

NOTA MAKLUMAN

KEJADIAN PENYAKIT *AFRICAN HORSE SICKNESS* (AHS) DI MUKIM MANIR, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

PENGENALAN

1. *African Horse Sickness* (AHS) adalah sejenis penyakit yang menjangkiti semua haiwan ekuids (kuda, keldai, zebra dan *mule*) yang disebabkan oleh virus dari genus Orbivirus, famili Reoviridae. Penyakit ini merupakan penyakit bawaan vektor serangga *Culicoides sp.* (agas) dan berupaya mengakibatkan gejala yang serius dengan kadar kematian sehingga mencecah 95% sekiranya berlaku pada kuda.
2. Pada masa ini, penyakit AHS adalah endemik di Afrika; namun, vektor sesuai didapati berada di negara-negara beriklim subtropika dan tropika, serta haiwan atau vektor yang telah dijangkiti boleh membawa virus AHS tersebut ke kawasan bebas daripada AHS.
3. Malaysia sebelum ini telah diisytihar oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) sebagai negara bebas AHS sejak tahun 2013.

KEJADIAN KES AHS

4. Berikutan penularan wabak AHS di Thailand bermula Februari 2020, DVS telah meningkatkan tahap surveilan dan persampelan AHS menerusi Program Survelan Kebangsaan untuk seluruh Malaysia.

5. Menerusi program surveilan tersebut, pada 27 Ogos 2020, DVS melalui Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Perak telah mengesan RNA virus AHS (AHSV) melalui ujian RT-PCR yang telah dijalankan ke atas sampel daripada 4 ekor kuda dari Mukim Manir, Kuala Terengganu, Terengganu.
6. Susulan notifikasi keputusan tersebut, tindakan siasatan epidemiologi kejadian AHS dan persampelan semua kuda telah dijalankan dengan serta-merta di premis tersebut.
7. Keputusan ujian susulan bagi persampelan kali ke-2 untuk semua kuda di premis berkenaan juga mendapati semua kuda tersebut positif untuk antigen virus AHS (AHSV) melalui ujian yang sama.
8. Survelan dan persampelan kuda juga sedang giat dijalankan dalam radius 5 km dari premis yang terjangkit dan disaring untuk AHS, serta daya jejak (*traceability*) sumber dan pergerakan kuda terjangkit sedang dijalankan oleh DVS negeri yang berkaitan bagi mengenalpasti sumber kemasukan dan penularan penyakit tersebut.
9. Sehingga 2 September 2020, keputusan persampelan yang diterima bagi kuda dari 2 negeri sumber adalah negatif untuk RNA virus AHS (AHSV) dan ujian susulan sedang dijalankan.

TINDAKAN KAWALAN DAN PENCEGAHAN AHS DI TERENGGANU

10. Sebagai langkah awal kawalan dan pencegahan AHS, pihak DVS melalui DVS Terengganu dan Ibu Pejabat Perkhidmatan

Veterinar, Putrajaya telah melaksanakan tindakan seperti berikut:

- a. Surat arahan larangan pergerakan kuda keluar-masuk negeri Terengganu telah dikeluarkan pada 1 September 2020 oleh Ketua Pengarah DVS Malaysia.
- b. Surat pemakluman dari DVS Terengganu mengenai penyakit AHS kepada pemilik kuda negeri Terengganu juga telah dikeluarkan pada 1 September 2020.
- c. Notis kuarantin haiwan telah dikeluarkan ke atas premis yang terjangkit.
- d. Aktiviti surveilan klinikal dan persampelan kuda masih diteruskan di negeri-negeri lain merujuk kepada Program Survelan Kebangsaan dan pemantauan diteruskan bagi pelaporan kes kejadian AHS di lapangan.
- e. Kempen kesedaran awam melibatkan tuanpunya dan pengendali kuda dijalankan di negeri berkenaan melalui kerjasama Majlis Ekuin Malaysia dan Persatuan-Persatuan Kuda berkaitan di Malaysia.
- f. Rondaan dijalankan oleh Penguatkuasa DVS bagi kawalan pergerakan kuda dan pencegahan cubaan memindahkan haiwan disyaki dijangkiti AHS keluar dari kawasan jangkitan.

NASIHAT BERKAITAN AHS KEPADA WARGA AWAM DAN PEMILIK KUDA DI KUALA TERENGGANU

11. Penyakit AHS adalah penyakit bukan zoonotik (tidak berjangkit pada manusia). Orang ramai dinasihatkan untuk tidak panik memandangkan tiada risiko penyakit tersebut kepada manusia.
12. Kerjasama pemilik kuda dan orang ramai adalah amat diperlukan dan dialu-alukan dalam melaporkan sebarang kes disyaki penyakit AHS kepada DVS melalui nombor telefon tertera di bawah atau pejabat DVS yang berdekatan.
13. Bagi sebarang aduan, pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi no. telefon seperti yang berikut:
 - a. **Bagi negeri Terengganu**
Bilik Krisis Penyakit, DVS Terengganu
(Tel.:09-622 1822 ext. 205)
 - b. **Bagi kawasan selain negeri Terengganu**
Bilik Krisis Penyakit, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar,
Putrajaya
**(Tel.:03-8870 2041 ATAU 03-8870 2249/2253
(pihak media))**

Jabatan Perkhidmatan Negeri yang berkaitan seperti berikut:

DVS Negeri	No. Tel.
DVS Negeri Perlis	04-979 2600
DVS Negeri Kedah	04-720 5200
DVS Negeri Pulau Pinang	04-508 4363 / 4368
DVS Negeri Perak	05-545 9111
DVS Negeri Selangor	03-5510 3900
DVS Negeri Sembilan	06-762 9163 / 8857
DVS Negeri Melaka	06-232 5103
DVS Negeri Johor	07-244 5844 / 4587
DVS Negeri Pahang	09-517 1090 / 1205 / 1288
DVS Negeri Kelantan	09-765 2545 / 2811
DVS W. P. Kuala Lumpur	03-9200 1342 / 2890
DVS W. P. Labuan	087-412 246
DVS Negeri Sabah	088-287 400 / 422 / 428
DVS Negeri Sarawak	082-628 250 / 628 255

Disediakan oleh

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
PUTRAJAYA**

02 SEPTEMBER 2020